

Untuk Persisi dan Kay Siang Road

12 MAY 1979

perenca silat
SAYA ada dua perkara untuk dikemukakan kepada Persisi dan seperkara lagi kepada Kementerian Pelajaran mengenai seni pertahanan diri.

Pada akhir 1978, saya telah bermohon kepada Unit Kawalan Seni Pertahanan Diri (Macu) untuk mendapatkan permit jurulatih dengan menyertakan salinan ijazah saya sebagai seorang instraktor silat yang bertarikh 25 September 1973.

Macu kemudian telah merujukkan permohonan saya kepada Persisi untuk mendapatkan pengesahan mereka.

Bagaimanapun permohonan itu telah ditolak oleh Macu atas nasihat Persisi tanpa saya dipanggil untuk ditemuduga. Dengan itu saya ingin bertanya kepada Persisi, yang dibentuk dalam 1976 sama ada ijazah instraktor silat yang dikeluarkan sebelum 1976 dan ditandatangani oleh seorang Anggota Parliamen adalah tidak sah.

Satu lagi pertanyaan kepada Persisi ialah adakah silat saya (seni silat Gayong) tidak diakui oleh Persisi kerana saya tidak bermohon melalui Pasak atau perwanit (dua pertubuhan yang mempunyai silat sebagai kegiatannya).

Kepada Kementerian Pelajaran saya ingin bertanya sama ada seorang gurubesar berhak menolak permintaan seorang pelajar untuk

tandatanganannya ditulis dalam borang permohonan untuk mempelajari seni pertahanan diri di balai rakyat sedangkan di sekolah sendiri tidak mempunyai satu kursus seperti itu.

Kerana itu ramai

pelajar yang belajar seni pertahanan diri terpaksa membayar \$5 sedangkan para pelajar ini berhak menyertai kursus silat dengan percuma.

Din
Jalan Daud

MESYUARAT AGONG TAHUNAN

KE 11

19 MAY 1979

PERIPENSIS, Persatuan Islam dan Pencak Silat Singapura, akan mengadakan mesyuarat Agungnya yang ke sebelas pada hari Ahad 20hb May 1979 jam 9.00 pagi, di Madrasah Al Maarif Al Islamiah 14 Ipoh Lane, Singapura 15. Sekalian ahli-ahli lelaki dan wanita yang belum menerima surat undangan di persilakan hadir.

Indonesia akan bantu kumpul bahan utk projek buku Persisi

15 MAY 1979

Pencak silat
USAHA-USAHA Persekutuan Silat Singapura (Persisi) untuk membukukan seni silat serantau telah mendapat sokongan dari Indonesia yang juga akan membantu usaha mengumpulkan bahan-bahan untuk projek ini.

Sokongan dan bantuan dari Indonesia itu telah dilahirkan oleh pegawai-pegawai dari Ikatan Pencak Silat Indonesia (IPSI) dalam pertemuan mereka dengan empat orang pegawai Persisi yang mengadakan lawatan ke sana baru-baru ini.

"Pihak IPSI bersetuju untuk memberikan surat pengenalan kepada Persisi untuk melakukan sebarang lawatan yang bakal dibuat di masa akan datang ke wilayah-wilayah Indonesia mengenai bahan buku silat itu," kata seorang pegawai persekutuan itu.

Dalam rundingan itu juga, pegawai-pegawai kedua belah pihak telah bersetuju untuk mengadakan satu persembahan silat bersama yang bakal dijalankan di Singapura selama dua hari.

"Persembahan kedua pihak ini akan memberikan peluang bagi mereka bertukar-tukar pengalaman dan diharapkan juga untuk mendapatkan dana bagi kedua buah pertubuhan tersebut," kata pegawai itu lagi.

Siapkan lakar

Tetapi tarikh mengadakan persembahan itu belum ditetapkan.

Indonesia telah "menyambut baik rancangan membukukan seni silat serantau di mana negara-negara yang terlibat akan memberikan kerjasama."

Selain dari itu, Indonesia telah

meminta Singapura untuk menyiapkan lakar untuk kertaskerja mengenai projek tadi untuk dibincangkan dengan panjang lebar bila pegawai-pegawai bertemu ketika temasya Sukan Asia Tenggara Ke-10 yang bakal berlangsung di Jakarta pada September depan.

"Indonesia berharap agar Singapura menghubungi Malaysia secepat mungkin untuk menerangkan kedudukan perkara ini. Indonesia akan menghubungi Malaysia untuk memberikan sokongan penuh terhadap projek itu.

"Selain dari itu, Indonesia sendiri akan merujukkan perkara tersebut kepada pemerintahnya untuk mendapatkan sokongan moral dan material," pegawai itu menerangkan lagi.

Pegawai itu menerangkan bahawa dalam lawatan empat hari itu, pegawai-pegawai dari

Singapura terdiri dari Encik Sidek Saniff, Timbalan Presiden Persisi yang mengetuai rombongan, Encik Mansor Haji Sukaimi, timbalan presiden Persekutuan Sepaktakraw Singapura, Encik Johari Uriff, setiausaha agung Persisi dan Encik Arif Zahari, penolong setiausaha Persisi.

15 MAY 1979 Menjadi panduan

Persisi telah mengambil inisiatif untuk membukukan sejarah dan lain-lain yang berkaitan dengan silat serantau dan berharap buku ini akan menjadi panduan kepada pencinta seni silat serantau.

Mereka telahpun mengadakan lawatan dan rundingan di Indonesia pada tahun lalu mengenai projek ini. Lawatan-lawatan yang